

10 DEC 2001

Mahathir-Bantuan

BANTUAN OLEH RAKYAT MALAYSIA TANPA PAKSAAN

CHANGLOON, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bantuan yang diberikan oleh rakyat negara ini kepada pelarian Afghanistan dilakukan secara sukarela tanpa desakan oleh kerajaan Malaysia mahupun pihak antarabangsa.

"Ia dilakukan bagi membantu orang susah serta dapat merapatkan perpaduan sesama Islam," kata Perdana Menteri.

Mengambil contoh misi kemanusiaan Pemuda Umno ke Pakistan yang berlepas semalam, Dr Mahathir berkata tindakan itu harus dipuji.

"Walaupun kita hidup senang tetapi bila melihat orang lain menderita, kita menolong mereka. Dengan cara itu, kita dapat jalin hubungan baik sesama Islam," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa dan penyampaian bantuan kepada anak-anak yatim di Kampung Lembah Palas di sini.

Dr Mahathir berkata dengan cara memberi bantuan itu juga, hubungan dengan mereka yang tidak dikenali sebelum ini, akan menjadi rapat.

Katanya, keprihatinan dalam menghulurkan sumbangan bagi membantu pelarian Afghanistan itu bukan sahaja ditunjukkan oleh orang beragama Islam tetapi mereka yang bukan Islam turut menghulurkan bantuan.

"Kita turut menerima sumbangan pakaian dan sebagainya daripada mereka yang bukan beragama Islam," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sikap membantu mereka yang menghadapi kesusahan itu harus terus berkembang di negara ini kerana ia merupakan satu amalan yang sangat baik.

"Saya berharap dalam usaha kita membantu masyarakat luar, jangan kita lupakan kesusahan yang dialami masyarakat di negara kita kerana masih ada sebilangan kecil penduduk negara ini masih hidup dalam kesusahan serta kurang bernasib baik," katanya.

Dr Mahathir turut menyeru dermawan berganding bahu bersama kerajaan membantu meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

MZM MAN JM MAI